

22 JUN 2002

Abdullah-Pengumuman

DR MAHATHIR TARIK BALIK KEPUTUSAN SELEPAS DIRAYU, KATA PAK LAH

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menarik balik hasrat meletakkan jawatan dari semua jawatan Umno dan kerajaan hanya setelah dirayu oleh para pemimpin tertinggi Umno yang berjumpanya selepas beliau membuat pengumuman mengejut itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir akhirnya menukar fikiran selepas beliau, tiga orang naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhamad Taib, ketua wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz, ketua pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein, ketua penerangan Umno Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub dan setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menerangkan hasrat parti yang masih memerlukan kepimpinannya.

"Kami menyatakan kepada beliau adalah hasrat parti yang dia memimpin parti dan kerajaan dan ini hasrat sebulat suara...tiada seorang (dari Majlis Tertinggi Umno) pun yang berkecuali dalam hal ini," kata Abdullah dalam pengumuman secara langsung menerusi televisyen malam ini.

"Kami terpaksa ambil masa yang panjang sebenarnya untuk nyatakan kepada beliau perasaan parti pada waktu ini walaupun beliau menyatakan kesungguhannya tetapi akhirnya beliau dapat memahami hasrat parti dan bersetuju untuk terus pegang jawatan-jawatan yang dipegangnya," katanya.

Najib, Muhyiddin, Muhammad, Khalil dan Megat Junid berdiri di belakang Abdullah semasa membuat pengumuman khas itu.

Timbalan presiden Umno itu juga berharap semua anggota Umno dan parti-parti komponen Barisan Nasional bertenang dan dapat memahami bahawa Dr Mahathir masih Perdana Menteri, Presiden Umno, Pengerusi Barisan Nasional dan memegang jawatan-jawatan lain.

Sebaik sahaja membuat pengumuman mengejut itu semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, anggota-anggota Majlis Tertinggi dan para perwakilan secara spontan bangun meminta Dr Mahathir menarik balik hasratnya.

-- BERNAMA

SR AZZ RHM